

Syor bayar PTPTN ikut pendapatan peminjam



Oleh Dr Siti Raihana Hamzah
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan
Program Matematik
Kewangan,
Universiti Sains
Islam Malaysia
(USIM)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kini berdepan hutang tertunggak RM6 bilion daripada 430,000 peminjam. Masalah ini terus meruncing apabila bilangan siswazah bekerja dalam pekerjaan bergaji rendah hampir tiga kali ganda sejak 2010.

Mereka menghadapi tekanan kewangan besar akibat gaji tidak sepadan kelayakan dan kos sara hidup semakin meningkat.

Langkah sementara seperti pemberian diskauan bayaran balik sebelum ini hanya menjadi penyelesaian jangka pendek dan tidak menangani masalah struktur lebih mendalam.

Tindakan undang-undang mungkin kelihatan keras tetapi sebelum diambil, kita perlu membezakan antara individu benar-benar tidak mampu membayar dengan yang culas.

Peminjam enggan membayar walaupun mampu, boleh dikenakan tindakan lebih tegas, termasuk sekatan perjalanan dan larangan permohonan pinjaman lain tetapi individu benar-benar berdepan kesukaran kewangan, pendekatan lebih fleksibel diperlukan bagi memastikan mereka tak terbeban.

Satu penyelesaian boleh dipertimbangkan adalah memperkenalkan skim pembayaran balik be-

rasaskan pendapatan dan kos sara hidup semasa, iaitu siswazah hanya membayar hutang berdasarkan pendapatan semasa.

Siswazah menerima gaji rendah hanya perlu membayar sebahagian kecil pendapatan dengan bayaran meningkat seiring peningkatan gaji seperti dilakukan di Australia dan United Kingdom (UK), sekali gus menawarkan fleksibiliti dan ruang untuk menstabilkan kewangan sebelum memulakan pembayaran hutang penuh.

Majlis Belia Malaysia (MBM) juga mencadangkan skim pembayaran berdasarkan pendapatan di perkenalkan menggantikan sistem sedia ada.

Ia bukan sahaja lebih adil, malah memberi peluang kepada siswazah membayar hutang tanpa perlu berhadapan tekanan kewangan melampaui. Skim ini juga boleh mengurangkan risiko hutang tertunggak semakin menjelaskan ketabilan PTPTN sebagai institusi pembiayaan pendidikan.

Namun, siswazah juga memerlukan literasi kewangan lebih baik, iaitu pendidikan kewangan dimulakan sebelum mereka membuat keputusan mengambil pinjaman PTPTN.

Literasi kewangan menyeluruh membantu pelajar memahami kesan jangka panjang pinjaman dan cara menguruskan hutang lebih bijak, sekali gus lebih bersedia merancang strategi pembayaran hutang lebih baik, seterusnya mengelakkan daripada terperangkap dalam kitaran hu-

tang berpanjangan.

Malah, kita perlu melihat isu pemahiran semula pekerja dalam konteks siswazah berdepan pasaran kerja semakin berubah. Menurut Menteri Sumber Manusia, Sim Chee Keong, kira-kira 600,000 pekerja memerlukan pemahiran semula dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang akibat perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan ekonomi hijau.

Pemahiran semula ini penting untuk memastikan siswazah relevan dan berdaya saing, terutama dalam sektor ekonomi semakin digital serta automatik.

Dengan meningkatkan kemahiran, siswazah boleh meningkatkan pendapatan dan kemampuan melunaskan hutang PTPTN lebih efisien.

Pada masa sama, insentif untuk peminjam bertanggungjawab perlu diperkenalkan seperti diskauan kepada individu melangsungkan hutang lebih awal.

Dengan melaksanakan langkah ini, PTPTN dapat dipulihkan untuk terus berfungsi sebagai mekanisme pembiayaan pendidikan lestari, tanpa membebani generasi muda dengan hutang melampaui.

Ini juga akan memastikan generasi muda dapat membina kehidupan lebih stabil tanpa dibebani hutang menjelaskan masa depan, sekali gus memastikan ekonomi Malaysia terus berkembang dengan tenaga kerja lebih kompetitif.

Syor Bayar PTPTN Ikut Pendapatan Peminjam

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kini berdepan hutang tertunggak RM6 bilion daripada 430,000 peminjam. Masalah ini terus meruncing apabila bilangan siswazah bekerja dalam pekerjaan bergaji rendah liampir tiga kali ganda sejak 2010.

Mereka menghadapi tekanan kewangan besar akibat gaji tidak sepadan kelayakan dan kos sara hidup semakin meningkat.

Langkah sementara seperti pemberian diskauan bayaran balik sebelum ini hanya menjadi penyelesaian jangka pendek dan tidak menangani masalah struktur lebih mendalam.

Tindakan undang-undang mungkin kelihatan keras tetapi sebelum diambil, kita perlu membezakan antara individu benar-benar tidak mampu membayar dengan yang culas.

Peminjam enggan membayar walaupun mampu, boleh dikenakan tindakan lebih tegas, termasuk sekatan perjalanan dan larangan permohonan pinjaman lain tetapi individu benar-benar berdepan kesukaran kewangan, pendekatan lebih fleksibel diperlukan bagi memastikan mereka tak terbeban.

Satu penyelesaian boleh dipertimbangkan adalah memperkenalkan skim pembayaran balik berdasarkan pendapatan dan kos sara hidup semasa, iaitu siswazah hanya membayar hutang berdasarkan pendapatan semasa.

Siswazah menerima gaji rendah hanya perlu membayar sebahagian kecil pendapatan dengan bayaran meningkat seiring peningkatan gaji seperti dilakukan di Australia dan United Kingdom (UK), sekali gus menawarkan Aeksibiliti dan ruang untuk menstabilkan kewangan sebelum memulakan pembayaran hutang penuh.

Majlis Belia Malaysia (MBM) juga mencadangkan skim pembayaran berasaskan pendapatan diperkenalkan menggantikan sistem sedia ada.

Ia bukan sahaja lebih adil, malah memberi peluang kepada siswazah membayar hutang tanpa perlu berhadapan tekanan kewangan melampau. Skim ini juga boleh mengurangkan risiko hutang tertunggak semakin menjelaskan kestabilan PTPTN sebagai institusi pembiayaan pendidikan.

Namun, siswazah juga memerlukan literasi kewangan lebih baik, iaitu pendidikan kewangan dimulakan sebelum mereka membuat keputusan mengambil pinjaman PTPTN.

Literasi kewangan menyeluruh membantu pelajar memahami kesan jangka panjang pinjaman dan cara menguruskan hutang lebih bijak, sekali gus lebih bersedia merancang strategi pembayaran hutang lebih baik, seterusnya mengelakkan daripada terperangkap dalam kitaran hutang berpanjangan.

Malah, kita perlu melilit isu pemahiran semula pekerja dalam konteks siswazah berdepan pasaran kerja semakin berubah. Menurut Menteri Sumber Manusia, Sim Chee Keong, kira-kira 600,000 pekerja memerlukan pemahiran semula dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang akibat perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan ekonomi hijau.

Pemahiran semula ini penting untuk memastikan siswazah relevan dan berdaya saing, terutama dalam sektor ekonomi semakin digital serta automatik.

Dengan meningkatkan kemahiran, siswazah boleh meningkatkan pendapatan dan kemampuan melunaskan hutang PTPTN lebih efisien.

Pada masa sama, insentif untuk peminjam bertanggungjawab perlu diperkenalkan seperti diskaun kepada individu melangsaikan hutang lebili awal.

Dengan melaksanakan langkah ini, PTPTN dapat dipulihkan untuk terus berfungsi sebagai mekanisme pembiayaan pendidikan lestari, tanpa membebankan generasi muda dengan hutang melampau.

Ini juga akan memastikan generasi muda dapat membina kehidupan lebih stabil tanpa dibebani hutang menjelaskan masa depan, sekali gus memastikan ekonomi Malaysia terus berkembang dengan tenaga kerja lebih kompetitif.

[20241016_N60_BRH_KMT_11_FC_syor~bayar~ptptn~ikut~pendapatan~peminjam](#)